

18/11/1997

Malaysia, Perancis tolak siasatan

LANGKAWI, Isnin - Malaysia dan Perancis sepakat menolak sebarang cubaan Amerika Syarikat menyiasat syarikat minyak kedua-dua negara yang menjalin kerjasama perdagangan di Iran.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dan Presiden Perancis, Jacques Chirac juga bersetuju bahawa Amerika tidak berhak menguatkuasakan peraturannya di negara lain.

Pendirian bersama kedua-dua negara itu dicapai dalam perbincangan hampir tiga jam di antara Dr Mahathir dan Chirac, di sini hari ini.

Chirac juga memberitahu Dr Mahathir bahawa kedua-dua syarikat berkenaan, Petronas dan Total SA, perlu menerus dan meluaskan kerjasama perdagangan di Iran dan negara lain.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua negara sependapat bahawa undang-undang Amerika perlu ditolak kerana ia tidak boleh dikuatkuasakan di negara lain.

Menurutnya, pendirian Malaysia dan Perancis juga tidak perlu dipersoalkan kerana Akta Sekatan Iran-Libya yang diwujudkan Amerika adalah peraturannya sendiri dan bukan peraturan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

"Mereka (Perancis) bersama kita sepenuhnya. Pendirian sama dengan kita bahawa perkara ini (perdagangan di Iran) bukan untuk negara lain yang menentukannya, tetapi negara itu sendiri kerana ia bukan peraturan WTO.

"Ia hanya peraturan sebuah negara. Jadi mereka (Perancis) tidak menerimanya dan kita juga tidak menerimanya," katanya ketika ditemui sejurus sidang akhbar bersama dengan Chirac selepas pertemuan itu.

Turut sama dalam pertemuan berkenaan ialah Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Presiden/Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Hassan Merican dan Wakil Khas Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar.

Delegasi Chirac seramai tujuh pegawai dalam perbincangan yang menyentuh pelbagai perkara seperti politik dan kewangan antarabangsa itu, termasuk Setiausaha Rendah Kementerian Luar Perancis (Jabatan Asean), Francois Dopffer; Pengarah Luar Negara Perhubungan Ekonomi, Kementerian Ekonomi Kewangan dan Industri, Jacques De Lajugie dan Wakil Khas Presiden Perhubungan Franco-Malaysia, Jean Claude Paye.

Amerika baru-baru ini memberi amaran kepada lima syarikat antarabangsa bahawa mereka menghadapi risiko dikenakan sekatan jika siasatan mendapati urusan perdagangan mereka melanggar Akta Sekatan Iran-Libya yang diperkenal Amerika.

Petronas terbabit dalam konsortium bersama dengan Gazprom dari Russia dan Total SA dalam usaha sama bernilai AS\$2 bilion (RM6.6 bilion) bagi membangunkan sebahagian daripada lapangan gas South Pars, di Iran.

(END)